

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan kita dimaklumkan bahawa 250 jenis barangan tidak dikenakan GST, 480 barangan dikenakan GST dan lebih dari 200 barangan belum lagi dibuat keputusan, bolehkah pihak Kerajaan menyenaraikan semua barangan tersebut.

JAWAPAN

Senarai lengkap barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2014 yang lalu. Pada masa yang sama Kerajaan juga telah memaklumkan jenis barang dan perkhidmatan tersebut melalui program

penerangan dan publisiti yang dijalankan secara menyeluruh di seluruh negara. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan senarai ini dapat disebar luas melalui pelbagai media sebagai rujukan kepada orang ramai.

Selain daripada barang-barang yang telah diumumkan dalam Bajet 2014, Kerajaan sedang meneliti cadangan pelbagai pihak supaya beberapa barangan tertentu sama ada untuk dikecualikan daripada GST atau dikenakan GST.